

17 JAN 2003

PERUBAHAN KEPIMPINAN UMNO KELANTAN UNTUK RAKYAT - MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Perubahan pada barisan kepimpinan Kelantan bukan semata-mata untuk kepentingan parti tetapi lebih kepada menjaga kepentingan rakyat negeri itu, kata Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata perubahan itu adalah perancangan rapi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti selepas mengambil kira pandangan masyarakat Kelantan yang rata-ratanya mahukan pembaharuan.

"Perubahan itu lebih kepada satu suntikan semangat dan merupakan satu langkah yang perlu dilakukan," katanya kepada pemberita semasa diminta mengulas rombakan dalam Badan Perhubungan Umno negeri itu pada sidang media mengumumkan harga barangan terkawal untuk perayaan Tahun Baru Cina 2003 di sini hari ini.

Semalam Dr Mahathir mengumumkan pelantikan Ketua Bahagian Umno Kota Baharu Zaid Ibrahim sebagai Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno negeri menggantikan Datuk Annuar Musa serta beberapa pengguguran anggota jawatankuasa untuk digantikan dengan yang baru.

Muhyiddin berkata Umno berharap barisan kepimpinan baru itu dapat membantu Ketua Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed merangka strategi yang cukup berkesan untuk parti.

"Adanya gandingan yang lama dengan baru ini adalah lebih baik kerana yang lama boleh memberi nasihat dan panduan manakala yang baru pula mempunyai idea-idea baru dan ini memberikan satu imej yang lebih segar," katanya.

-- BERNAMA
NN AHH RON